

22 OCT 2002

Mahathir-Inggeris

KOMPONEN BN SEPAKAT GUNA B.I UNTUK SAINS DAN MATEMATIK DI SEKOLAH

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) mencapai kata sepakat supaya mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam Bahasa Inggeris di semua sekolah termasuk sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata pelaksanaan dasar itu di sekolah-sekolah Cina mungkin berlainan sedikit tetapi masih dengan semangat yang sama.

Katanya parti-parti komponen BN berasaskan Cina meminta tempoh seminggu untuk berbincang sesama mereka bagi mendapatkan pendekatan terbaik untuk melaksanakan cadangan itu di sekolah-sekolah Cina.

"Kita nak cuba supaya tahun depan kita mula bersama, dengan cara yang akan ditentukan oleh sekolah Cina, tetapi sekolah lain tak ada masalah... semua bersetuju," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini.

Dr Mahathir berkata selepas mengadakan rundingan dalam tempoh berkenaan, parti-parti komponen BN berasaskan Cina itu akan melaporkan kepada beliau mengenai sebarang perubahan atau cadangan balas yang difikirkan sesuai untuk kepentingan masyarakat Cina.

Ahad lepas, akhbar melaporkan Jawatankuasa Pusat MCA, selepas bermesyuarat pada hari Jumaat sebelum itu, telah membuat keputusan untuk menentang cadangan kerajaan melaksanakan dasar berkenaan di sekolah rendah Cina.

Keputusan parti itu selari dengan pendapat persatuan-persatuan pendidikan Cina sebelum ini bahawa ia hanya sesuai dilaksanakan di peringkat sekolah menengah.

Menjawab pertanyaan pemberita, Dr Mahathir berkata buat masa ini parti-parti komponen mewakili kaum Cina mempunyai pandangan masing-masing berhubung perkara itu, dan memerlukan masa untuk mendapatkan satu pendekatan yang dipersetujui bersama.

Mesyuarat hari ini juga mencapai kata sepakat supaya subjek sains dan matematik di semua sekolah menengah diajar dalam Bahasa Inggeris, katanya.

Perdana Menteri berkata parti-parti komponen juga bersetuju supaya mata pelajaran Bahasa Inggeris yang dipertingkatkan, diajar dari sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah bagi tujuan meningkatkan penguasaan bahasa itu di kalangan pelajar.

"Semua sekolah, sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, semuanya bersetuju akan mengajar Bahasa Inggeris daripada sekolah rendah," katanya.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, memberitahu pemberita kemudian bahawa tiada siapa dari parti-parti berasaskan Cina yang membantah cadangan itu.

Bagaimanapun, katanya, kesemua mereka memberitahu mesyuarat itu bahawa mereka perlu menyelesaikan beberapa masalah berhubung isu itu sebelum ianya dilaksanakan.

Ketika ditanya sama ada pelaksanaannya di sekolah Cina akan berbeza dengan sekolah-sekolah lain, Mohamed berkata Dewan Tertinggi BN perlu menunggu sehingga semua parti berasaskan Cina itu selesai mengadakan mesyuarat mereka tentang perkara itu.

-- BERNAMA

NM MAM AFY MAI